

Terma dan Syarat Kempen Rebat Tunai Takaful Gadai Janji ("MRTT") oleh Great Eastern Takaful Berhad ("GETB")

Penganjur & Tempoh Kempen

1. KEMPEN REBAT TUNAI MRTT GETB ("Kempen") dibuka kepada semua pemohon pembiayaan perumahan LPPSA yang sah atau perujuk ('Referrer').
2. Kempen ini akan berjalan, bermula dari 01/03/2021 dan berakhir pada 31/12/2021 ("Tempoh Kempen"). GETB sebagai Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
3. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau perubahan oleh Penganjur tidak memberi hak kepada mana-mana pemohon/peserta atau perujuk untuk membuat sebarang tuntutan atau menerima pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian yang dialami atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pemohon/peserta atau perujuk sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berhubung dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh Penganjur.

Kriteria Kelayakan & Pendaftaran Penyertaan Kempen

1. Hanya pemohon atau perujuk yang memohon MRTT GETB bagi pembiayaan LPPSA yang mendaftar di platform media sosial GETB sahaja yang layak menyertai Kempen ini.
2. Pemohon atau perujuk yang mendaftar paling awal layak menyertai Kempen ini. Sebagai contoh, jika pemohon telah mendaftar terlebih dahulu, perujuk yang mendaftar selepas itu adalah tidak layak. Begitu juga sebaliknya.
3. Hanya 300 pemohon terawal ("Peserta") sahaja yang layak menyertai Kempen ini.
4. Untuk penerimaan penyertaan, pemohon perlu mendaftar di platform media sosial GETB dengan memberikan butiran dan maklumat yang betul dan tepat seperti di dalam borang penyertaan. http://bit.ly/LPPSA_01
5. Semua borang penyertaan yang dihantar adalah tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur mempunyai hak mutlak untuk membatalkan secara automatik Pendaftaran Kempen yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, penyertaan lewat (borang penyertaan yang diterima selepas 31/12/2021, 23.59 malam), nama pemohon yang diberikan adalah tidak sama, atau Penganjur sudah menerima 300 permohonan, sama ada pemohon pembiayaan LPPSA atau perujuk.
6. Pihak Ketiga tidak dibenarkan untuk membuat permohonan bagi pihak pemohon dalam menyertai Kempen ini.
7. Penganjur, atas budi bicara mutlak, berhak untuk menolak, membatalkan atau menyingkirkan mana-mana permohonan penyertaan tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya pemohon tidak mematuhi Terma & Syarat Kempen.

Rebat Tunai dan Pembayaran Rebat

1. Rebat tunai yang diberikan adalah berjumlah 5% dari sumbangan MRTT GETB yang dibayar oleh Peserta atau sehingga RM1,000 sahaja (yang mana lebih rendah).
2. Rebat ini akan dibayar secara tunai ke dalam akaun bank Peserta atau Perujuk yang diberikan semasa permohonan penyertaan Kempen.
3. Nama Peserta atau Perujuk Kempen mestilah sama dengan nama pemegang akaun bank yang butirannya telah diberikan semasa membuat permohonan penyertaan Kempen.

4. Pembayaran rebat adalah bergantung kepada pembayaran caruman takaful MRTT GETB yang tempohnya bergantung kepada tempoh proses permohonan oleh LPPSA (lazimnya dalam masa 6 bulan atau lebih). Bagi caruman yang telah dibuat pada bulan semasa, pembayaran rebat akan dibuat pada bulan yang berikutnya,
5. Jika Penganjur tidak menerima sebarang caruman MRTT selepas 1 tahun (dari tarikh penyertaan), rebat akan dianggap sebagai terbatal dan tiada bayaran akan dibuat.

Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

1. Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pemohon atau perujuk Kempen bahawa data peribadi pemohon atau perujuk akan diproses oleh atau bagi pihak GETB sebagai Penganjur Kempen. Dengan permohonan penyertaan Kempen ini, pemohon atau perujuk Kempen bersetuju dan mengizinkan pemprosesan data peribadi pemohon atau perujuk oleh Penganjur dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Penganjur akan memproses data peribadi yang telah diberikan seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor untuk dihubungi, alamat dan maklumat lain yang dikehendaki daripada pemohon atau perujuk Kempen dalam borang permohonan penyertaan. Penganjur akan memproses data peribadi pemohon atau perujuk, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin diberikan kepada Penganjur, untuk tujuan mengendalikan Kempen dan menghubungi pemohon atau perujuk (jika perlu).
2. Data peribadi yang pemohon atau perujuk Kempen berikan boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan Penganjur hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Pemohon atau perujuk Kempen bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang diberikan adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut adalah yang telah dikemas kini.

Hak Penganjur

1. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Kempen, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan rebat dengan dalam bentuk yang lain, yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. Rebat yang diberikan tidak boleh dipindahmilik.
2. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Kempen adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.
3. Penyertaan dalam Kempen ini dan penerimaan sebarang rebat menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada Peserta terlebih dahulu.
4. Dengan menyertai Kempen ini, Pemohon/Peserta atau perujuk dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada Pemohon/Peserta atau perujuk dan Pemohon/Peserta atau perujuk adalah terikat kepada perubahan sedemikian.